

PERSEPSI PELAJAR WANITA MEMILIH KURSUS BINAAN BANGUNAN DI FPTV DARI ASPEK DORONGAN KELUARGA DAN RAKAN SEBAYA

Arihasnida Ariffin^{1*}, Nora Sakila Abdul Manan², Siti Nur Kamariah Rubani³, Norhasyimah Hamzah⁴ & Tamil Selvan Subramaniam⁵

^{1,2,3,4,5} Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

*Correspondence: hasnida@uthm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar wanita memilih kursus Binaan Bangunan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dari aspek dorongan keluarga dan rakan sebaya. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar wanita kursus Binaan Bangunan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM. Seramai 158 orang responden iaitu merupakan jumlah keseluruhan populasi dipilih sebagai sampel kajian. Borang soal selidik yang digunakan mengandungi 23 item yang diukur menggunakan Skala Likert dan dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS 21.0). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif yang meliputi skor min dan peratusan. Dapatkan hasil kajian nilai min yang tertinggi ialah aspek dorongan keluarga iaitu (4.26), manakala aspek rakan sebaya adalah (3.78). Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa dorongan keluarga merupakan persepsi utama responden memilih kursus Binaan Bangunan berbanding rakan sebaya. Hal ini kerana sikap keluarga secara umumnya merupakan faktor yang terpenting dalam perkembangan seorang pelajar serta mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kursus pengajian. Pengkaji mencadangkan kajian melibatkan tahap keyakinan dan sikap pelajar wanita dalam pengajaran amali kursus Binaan Bangunan.

Kata Kunci: *Pelajar Wanita, Binaan Bangunan, Keluarga, Rakan Sebaya.*

Abstract

This study aimed to identify the perception of female students chooses courses in Building Construction at Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) through aspect of family and peer encouragement. The study design used was a quantitative survey. The instrument used was in the form of a questionnaire distributed to female students of building construction course at the Faculty of Technical and Vocational Education, UTHM. A total of 158 respondents which is representing the total population selected for this study. Questionnaires used contain 23 items those are measured using a Likert Scale and analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS 21.0). Data analysis using descriptive statistics that include mean and percentage. The finding show that the highest value mean is the aspect of family support with value (4.26), while the peer group value is (3.78). The results obtained show that the family is the primary perception of respondents chose the course. This is because of the attitude of the family generally is the most important factor in the development of a student and the student influence in the selection of courses of study. The study suggests the conviction and attitudes of the female student teaching of practical courses Building Construction.

Keywords: Female Students, Building Construction, Family, Peer.

1.0 PENGENALAN

Penyertaan tenaga buruh wanita telah mencatat peningkatan daripada 44.5 peratus pada tahun 2000 kepada 49.0 peratus pada tahun 2010 dan kadar tersebut terus bertambah dengan adanya pemulihan ekonomi kepada 5.7 peratus pada tahun 2010 (Prospek, 2000-2010). Manakala dari aspek pengurusan sumber manusia pada tahun 2000, dijangka jumlah bagi wanita meningkat 3 kali ganda lebih tinggi iaitu 45 peratus berbanding guna tenaga lelaki hanya meningkat 15 peratus (Kamro, 2012). Berdasarkan kepada perkembangan pesat dalam masyarakat, para pelajar memerlukan kaunseling bagi membolehkan mereka memilih pendidikan, kursus dan peluang kerjaya yang sesuai. Pemilihan bidang pendidikan semakin rumit disebabkan terdapatnya pelbagai kebolehan manusia. Di samping itu, kemajuan yang semakin pesat yang dialami oleh negara telah menyebabkan bidang pengkhususan pekerjaan dan pendidikan turut berkembang. Pertumbuhan bidang pengkhususan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh sistem ekonomi negara yang semakin kompleks. Masalah pemilihan kerjaya merupakan masalah paling besar yang sering dikemukakan oleh para remaja.

Salah satu faktor yang sering mempengaruhi pelajar dalam menceburi bidang kursus binaan adalah kerana pelajar kurang berminat untuk menceburi bidang lain yang mereka pelajari. Mohd Alias (2007) menyatakan bahawa para pelajar kadang kala terdesak untuk memilih atas kemauan ibu bapa dan bidang pengajian tidak selari dengan minat serta bakat anaknya, ianya bakal menimbulkan masalah. Banyak kes seperti ini membawa kepada kegagalan para pelajar dalam pelajarannya dan dunia pekerjaan yang akan diceburinya. Malah menurut Ontok (2004), faktor minat di dalam sesuatu bidang pekerjaan dapat mempengaruhi kepuasan kerja di dalam pekerjaan seseorang individu dan jika minat tidak diterap di dalam diri pelajar, ini akan menyebabkan kurangnya motivasi di dalam diri pelajar untuk menceburi sesuatu bidang pekerjaan.

Di samping itu menurut kajian Suradi (2004), masalah lain yang terjadinya kesukaran membuat pemilihan kursus kerjaya dalam kalangan pelajar wanita adalah pengaruh rakan sebaya. Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar. Pelajar lazimnya menggunakan rakan sebaya sebagai panduan dalam menilai dirinya sendiri dari segi tingkah laku, personaliti, kemahiran serta kemampuan mereka (Baharuddin, 2010). Pada kebiasaananya, pada zaman remaja, rakan sebaya mempunyai pengaruh yang besar terhadap pelajar. Segala gerak geri dan tingkah laku akan ditiru atau diikuti oleh rakan terhadap pelajar.

Menurut Quek (2006), rakan sebaya turut berperanan dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Tingkah laku yang biasanya dipengaruhi oleh rakan sebaya adalah merangkumi cara bercakap, cara berpakaian, dan cara belajar. Di Malaysia, peningkatan pelajar wanita dalam bidang pendidikan juga mengalami perubahan. Peranan penting yang dimainkan oleh sektor pendidikan telah menyumbang kearah kemajuan sosial dan ekonomi wanita. Ia merupakan satu pelaburan yang besar dalam kemudahan pendidikan disertai dengan penyediaan peluang yang sama banyak untuk mendapat pendidikan. Wanita pada masa kini lebih memilih hidup dan peluang kerjaya yang mencabar dan lasak namun masih menerapkan nilai-nilai profesional. Kerajaan telah membuka peluang seluas-luasnya kepada pelajar-pelajar untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah di universiti-universiti dalam program-program dan latihan yang diiktiraf oleh kerajaan. Menurut Mat Khailil (2000), pelajar perlu memastikan kelayakan akademik yang diperolehi sesuai mengikut bidang kerjaya yang ingin disertai. Dari segi pemilihan kursus,

penguasaan wanita dalam aliran sastera terus berkurangan, iaitu 65 peratus daripada jumlah enrolmen dalam kursus kemanusiaan dan sastera pada tahun 1995.

2.0 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam pemilihan bidang pendidikan, pelajar wanita bukan memilih hanya semata-mata atau sekadar untuk mengisi peluang bagi menyambung pelajaran, sebaliknya bermatlamat untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka selaras dengan peredaran masa kini. Pelajar wanita yang memilih profesion perguruan seharusnya mempunyai sikap yang positif dan peka terhadap perkembangan di sekitar mereka. Isu kekurangan pelajar pendidikan teknikal dan vokasional tidak seharusnya dipandang ringan oleh mana-mana pihak terutama institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana hanya seramai 35,000 orang pelajar yang mengikuti aliran ini adalah 7% daripada keseluruhan pelajar bagi setiap kohort (Harun, 2009). Menurut Ishak (2008), kebanyakan graduan yang dikaji sebanyak 68.8% berpendapat bahawa pekerjaan mereka adalah setaraf dengan kelayakan yang dimiliki. Hal demikian akan mendatangkan masalah kepada pemilihan kerjaya apabila pencapaian akademik mereka kurang memuaskan. Menurut Salleh, Mahmud & Amat (2006), proses memilih dan merancang kerjaya adalah proses yang penting bagi kehidupan seseorang.

Menurut Lorenzano (2001), pengaruh keluarga merupakan faktor dalaman yang menyebabkan pelajar wanita kurang menceburi bidang Pendidikan Binaan Bangunan. Manakala menurut Emat (1996), ramai ibu bapa terutama Pegawai Tinggi Kerajaan kurang menggalakkan anak-anak mereka meneruskan pengajian dalam bidang pendidikan vokasional. Hal ini kerana mereka menganggap pendidikan vokasional berada pada tahap yang rendah terutama bagi kaum wanita. Oleh demikian kajian ini dijalankan bagi mengetahui apakah persepsi utama pelajar wanita memilih kursus binaan bangunan sebagai satu kursus yang menjamin peluang kerjaya pada masa hadapan. Antara persepsi yang dinyatakan adalah seperti persepsi dorongan keluarga dan persepsi rakan sebaya. Namun begitu, kurangnya kesediaan pelajar dalam menceburi dalam bidang kerjaya memberi kesan kepada pelajar-pelajar apabila berada dalam bidang pekerjaan serta memberi kesan terhadap prestasi sesebuah organisasi berkenaan. Walaupun situasi ini memperlihatkan hubungan antara kaum wanita dan pemilihan kursus, namun terdapat beberapa isi yang perlu diselesaikan dan di atasi agar keupayaan kaum wanita untuk memilih kursus binaan bangunan dapat ditingkatkan. Selain itu, diharapkan kajian ini dapat menjadi sebagai satu rujukan kepada pihak yang terlibat seperti pihak Universiti, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, dan yang paling penting sebagai rujukan bagi pelajar wanita itu sendiri dalam menentukan pemilihan kursus yang bersesuaian dengan mereka serta menjanjikan satu peluang kerjaya dalam bidang pendidikan.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengenal pasti persepsi pelajar wanita memilih kursus Binaan Bangunan dari aspek dorongan keluarga.
- (ii) Mengenal pasti persepsi pelajar wanita memilih kursus Binaan Bangunan dari aspek rakan sebaya.

4.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian tinjauan berbentuk kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah instrumen berbentuk borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar wanita jurusan binaan bangunan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Selain itu, reka bentuk penyelidikan dirancang dengan teliti dan teratur untuk membantu penyelidik mendapatkan maklumat dan data yang penting untuk kajian ini.

4.1 Populasi dan Sampel

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar wanita jurusan Binaan Bangunan. Menurut Idris (2010), populasi adalah keseluruhan kumpulan individu yang diperlukan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat kajian. Populasi secara normal dan nilai mutlak sebagai min bagi populasi. Dalam kajian ini, bilangan populasinya yang mewakili sampel kajian adalah seramai 158 orang pelajar wanita yang mengambil kursus binaan bangunan di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional.

4.2 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, responden telah mengedarkan satu set soal selidik. Pembinaan set soal selidik yang dibangunkan berpandukan kepada persoalan kajian yang telah ditetapkan. Set soal selidik tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Aspek Keluarga) dan Bahagian C (Aspek Rakan Sebaya). Nilai kebolehpercayaan bagi bahagian B dan C memperoleh nilai 0.824 bagi keseluruhan item. Hal ini menunjukkan kepercayaan item berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan.

4.3 Analisis Data

Data yang diperolehi dari responden dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Menurut Chua (2006), kajian kes jenis deskriptif menghuraikan kepada fenomena tertentu secara mendalam dengan merujuk kepada suatu format penghuraian yang tertentu secara rasional. Data-data yang diperolehi dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for social Science* (SPSS) versi 21.0.

5.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Persepsi Pelajar Wanita Memilih Kursus Binaan Bangunan Dari Aspek Dorongan Keluarga

Melalui analisis yang dijalankan didapati nilai skor min bagi setiap item adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu antara julat 3.70 hingga 4.73. Nilai skor min keseluruhan juga berapa pada tahap yang tinggi iaitu 4.26. Hal ini menunjukkan persepsi dorongan keluarga mempunyai pengaruh yang tinggi dalam pemilihan kursus Binaan Bangunan bagi pelajar wanita di FPTV. Seterusnya, analisis bagi setiap item mendapati bahawa item “Pilihan saya mendapat dorongan daripada ibu bapa” berada pada tahap yang paling tinggi, manakala item “Keluarga memberi kepercayaan penuh dalam menentukan hala tuju saya” berada pada tahap kedua tertinggi dan seterusnya min

yang terendah bagi item dorongan keluarga adalah “Berlaku persetujuan pendapat antara saya dan keluarga” iaitu 3.72 namun masih berada pada tahap penerimaan yang tinggi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa faktor keluarga mempengaruhi pemilihan kursus bagi pelajar wanita di FPTV adalah pada tahap yang tinggi. Aspek dorongan keluarga mempengaruhi pelajar wanita memilih kursus Binaan bangunan kerana dengan memperoleh nilai purata keseluruhan skor min yang tertinggi.

Jelaslah di sini bahawa ibu bapa mengambil berat dengan kemahuan dan keupayaan anak-anak mereka bagi memastikan mereka menjalani proses pembelajaran dengan baik sekaligus menjamin masa depan yang cerah. Dapatkan tersebut disokong pendapat Najmuddin (2006), ibu bapa dapat mempengaruhi anak mereka secara keseluruhannya dalam membuat pemilihan terhadap sesuatu keputusan yang berkaitan dengan minat mereka. Selain itu, hasil dapatkan kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar bersetuju bahawa dorongan keluarga merupakan individu penting yang mempengaruhi minat dan pemilihan mereka terhadap sesuatu aliran pendidikan. Hasil kajian ini disokong oleh Chong *et al.*, (2012) dalam melihat motivasi dan dorongan keluarga terhadap minat akademik mereka.

Dapatkan kajian juga dilihat berbeza dengan kajian oleh Boon dan Atan (2010) yang telah dijalankan ke atas pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Skudai, Johor dalam kajian mengkaji faktor-faktor yang mendorong mereka memilih mata pelajaran Lukisan kejuruteraan sebagai mata pelajaran elektif. Dapatkan kajian mendapatkan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa ibu bapa memaksa mereka memilih mata pelajaran tersebut, namun ibu bapa sekadar menjadi pendorong terhadap minat mereka untuk mengambil mata pelajaran tersebut.

Hasil kajian juga mendapatkan bahawa kejayaan ahli keluarga mendorong mereka mengikut jejak langkah dalam sesuatu bidang serta mendapat galakan daripada keluarga. Ini disokong oleh (Haqique Ahmad, 2012), bahawa dorongan keluarga terutama ibu bapa mempunyai pengaruh yang penting dalam pemilihan bidang pelajar. Ini selaras dengan kajian Nazruddin (2000), pengaruh keluarga terutama dalam pemilihan kursus dan kerjaya pelajar menunjukkan bahawa keluarga adalah punca bagi seseorang individu itu membuat pemilihan. Kajian ini adalah selaras dengan dapatkan kajian yang dilakukan oleh Moktar Mokri (1999) dimana kebanyakan responden telah bersetuju bahawa mereka terpengaruh untuk memilih kursus yang mereka ambil adalah kerana terdapatnya ahli keluarga mereka yang terlebih dahulu menceburji bidang yang sama seperti kursus mereka. selaras dengan kajian oleh Abdul Rahman (2000), penglibatan ahli-ahli keluarga mereka di dalam sesuatu bidang itu telah menimbulkan minat sehingga ianya telah mempengaruhi responden untuk melanjutkan pelajaran serta menceburkan diri dalam bidang yang sama. Selain itu, didapati tiada pemaksaan dari keluarga dalam pemilihan kursus Binaan Bangunan kerana pelajar bersetuju dengan item mempunyai persetujuan pendapat antara pelajar dan keluarga. Hasil menunjukkan pelajar wanita memilih kursus Binaan Bangunan di FPTV tanpa paksaan keluarga tetapi didorong oleh pengaruh keluarga. Hal ini kerana keluarga merupakan orang yang terdekat dan yang paling memahami pelajar dan memberikan didikan kepada mereka sejak kecil serta mempengaruhi pendapat dan nilai anak mereka. Ini adalah kerana ibu bapa adalah orang yang pertama memindahkan kepada anak-anak segala warisan sosial, kebudayaan dan nilai serta adat kebiasaan melalui pengalaman mereka (Salehuddin & Mahadi, 2005).

5.2 Persepsi Pelajar Wanita Memilih Kursus Binaan Bangunan Dari Aspek Dorongan Rakan Sebaya

Melalui analisis yang dijalankan, didapati skor min bagi setiap item adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu antara julat 3.00 hingga 4.55. Nilai skor min keseluruhan bagi aspek rakan sebaya berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.78. Ini menunjukkan bahawa rakan sebaya juga mempengaruhi pelajar wanita dalam pemilihan kursus Binaan Bangunan. Seterusnya, analisis bagi setiap item mendapati bahawa item “Saya mempunyai rakan yang saling bantu-membantu” berada pada tahap yang paling tinggi dengan catatan skor min sebanyak 4.55, manakala min terendah adalah bagi item “Saya berminat untuk memilih kursus seperti rakan karib saya” iaitu 2.84 dan diikuti nilai terendah pada item “Saya terpengaruh dengan rakan yang memilih kursus yang sama” iaitu 2.92. Hal ini jelas bahawa pelajar wanita tidak mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dalam pemilihan kursus Binaan Bangunan di FPTV, UTHM.

Hasil kajian ini mendapati bahawa rakan sebaya kurang mempengaruhi pelajar untuk memilih sesuatu kursus. Ini kerana rakan sebaya tidak lagi menjadi contoh kepada pelajar dalam membuat pemilihan kursus. Rakan sebaya ialah mereka yang tergolong dalam kumpulan yang sama dan mempunyai persamaan dari segi minat, nilai dan aktiviti yang dilakukan. Hasil kajian ini menolak dapatan kajian oleh Idris (2000), pengaruh rakan sebaya begitu ketara sehingga ibu bapa sendiri ditolak untuk dijadikan sebagai model bagi mereka menentukan identiti mereka. Dan kajian ini disokong oleh Ahmad (2012), pelajar tidak lagi terpengaruh dengan rakan sebaya, mungkin kerana pelajar lebih matang dalam membuat pemilihan sesuatu kursus dan mengetahui yang minatnya berbeza dengan rakan sebaya yang lain.

Dapatan juga menggambarkan pengaruh rakan sebaya berkurangan apabila seseorang individu mengalami kematangan dari segi usia dan juga mentalnya. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Mat Khaili (2000) dalam kajinya terhadap pemilihan kerjaya dalam kalangan remaja melayu daerah kinta yang mendapati rakan sebaya tidak banyak memberi kesan kepada responden dalam membuat pemilihan kursus dan kerjaya. Selain itu, kajian yang dibuat oleh Mohd Sahibudilah, (2004), pemilihan profesion perguruan dikalangan siswazah kejuruteraan di Maktab perguruan Teknik Kuala Lumpur juga mendapati faktor rakan sebaya tidak banyak mempengaruhi responden dalam membuat keputusan untuk memilih profesion perguruan sebagai kerjaya. Kesimpulannya rakan sebaya merupakan faktor yang tidak memberi kesan dalam pemilihan kerjaya perguruan yang dibuat oleh responden. Pemilihan yang di buat adalah di luar pengaruh rakan sebaya, kerana responden ketika memilih kerjaya ini sudah mencapai usia dewasa, dalam usia begini ternyata pengaruh rakan sebaya tidak begitu memberi kesan terhadap pertimbangan seseorang.

Walau bagaimanapun, pelajar masih mendapatkan nasihat dari rakan sebaya mereka dalam penentuan pemilihan sesuatu kursus. Kajian ini disokong oleh kajian Mohammad Najib (2002), remaja lebih gemar merujuk kepada rakan mereka terhadap sesuatu masalah termasuk masalah yang berhubung dengan kursus mereka. Hal ini kerana mereka lebih memahami antara satu sama lain, maka mereka sering berbincang tentang pemilihan kursus yang bersesuaian sekaligus menjamin peluang kerjaya di masa hadapan.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa kesemua persoalan yang dikemukakan telah terjawab. Secara keseluruhannya kajian yang telah dilaksanakan telah terbukti dengan kajian-kajian lepas. Melalui analisis yang dijalankan iaitu menggunakan kaedah min purata markah bagi setiap objektif, pada persoalan pertama, pengkaji mendapati bahawa aspek dorongan keluarga dalam pemilihan kursus binaan bangunan di FPTV berada pada tahap yang tinggi. Manakala, bagi objektif dan persoalan yang kedua iaitu aspek rakan sebaya juga berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa persepsi dorongan keluarga merupakan aspek yang mendominasi pelajar wanita dalam pemilihan kursus Binaan Bangunan di FPTV.

Untuk mempertingkatkan jumlah penglibatan pelajar wanita dalam bidang Binaan Bangunan, maka pihak universiti seharusnya perlu lebih mempromosikan kursus tersebut. Hal ini kerana dengan berbuat demikian, akan timbul minat dalam kalangan pelajar dan juga pihak-pihak yang lain. Pendedahan deskripsi kerjaya kepada pelajar juga adalah perlu, kerana mereka selalu berinteraksi antara satu sama lain antara rakan. Hal ini adalah penting kerana apabila ada rakan yang mendapat maklumat salah, maka ini boleh menyebabkan pelajar terpengaruh dan membuat pemilihan yang salah. Selain itu, pihak berwajib perlu menyediakan pelbagai program seperti *role model* kepada pelajar dengan menjemput mereka menceritakan pengalaman belajar dan bekerja di dalam bidang pendidikan Binaan Bangunan. Sekaligus akan timbul minat dalam diri pelajar dan menjadikan peluang kerjaya dalam bidang Pendidikan Binaan Bangunan lebih meluas selaras dengan kehendak kerajaan dalam melahirkan tenaga kerja dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional Binaan Bangunan.

7.0 RUJUKAN

- Ab. Rahman (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Bidang Kejuruteraan Oleh Pelajar Wanita Tahun 4 Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana.
- Ahmad, N. H. (2012). *Faktor Pemilihan Aliran Vokasional Dalam Kalangan Pelajar Lepasan PMR*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Laporan Projek Sarjana
- Baharuddin, N. (2010). *Hubungan Antara Kemahiran Sosial Dengan Tingkah Laku Sosial Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Di Tabika Kemas, Beaufort*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Boon, Y. & Atan, M. (2010). *Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar-Pelajar Tingkatan 4 Memilih Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan Sebagai Mata Pelajaran Elektif Di Smk Mutiara Rini Skudai, Johor*. Unpublished.
- Chong, S. T., Jaafar, J.R., Rahim, S. A., Zainal, N., Subhi, N. & Kadir, N. B. A. (2012). *Motivasi Diri Dan Dorongan Ibumpa Terhadap Minat Akademik Belia*. Journal of Social Science Humanities, 7 (1), Pp. 26-33
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan Asas Statistic Penyelidikan*. Buku 2. Malaysia: Mc Graw Hill Education
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd

- Kamro, M. (2012). *Kesediaan Menceburi Kerjaya Kejuruteraan Binaan Dalam Kalangan Pelajar Jurusan Binaan Bangunan Di Sekolah Menengah Vokasional*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Laporan Projek Sarjana
- Mat Khailil Muhammad Nor (2000). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Remaja Melayu Di Daerah Kinta*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohd Alias, M. F (2007), Julai 05). *Konflik Bakat, Minat Dan Pilihan Ibu Bapa*. Utusan Malaysia Online. Dicapai Pada March 5, 2017, Dari [Http://Www.Utusan.Com.My](http://www.utusan.com.my)
- Mohd Najib (2002). *Perkembangan Dan Pemilihan Kerjaya Remaja*. Selangor: Federal Publications.
- Mohd Sahibudilah, M. N. (2004). *Satu Tinjauan Terhadap Pemilihan Profesion Perguruan Di Kalangan Siswazah Kejuruteraan Di Maktab Perguruan Teknik Kuala Lumpur*. Universiti Teknologi Malaysia
- Najmuddin, H. (2006). *Membimbing Remaja Memilih Pendidikan & Kerjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Ontok, T. (2004). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Di Kalangan Pelajar Politeknik Dan Institut Kemahiran Mara Suatu Kajian Kes Di Sabah*. Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Quek Miow Leng. (2006) *Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Dengan Pencapaian Matematik Di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Daerah Batu Pahat, Johor*. Tesis Phd. Univesiti Teknologi Malaysia, Johor
- Salehudin Hj. Sabar & Mahadi Hj. Khalid (2005). *Kertas Konsep Faktor-Faktor Graduan Berkerjaya Memilih Kursus Perguruan Lepas Ijazah-Penghususan Sekolah Rendah*. Journal Penyelidikan.
- Suradi Salim. (2004). *Perkhidmatan Kaunseling Di Malaysia: Perkembangan, Cabaran & Halangan*. Syarahan Perdana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya